

01/04/2001

Fauzi sokong badan khas siasat rasuah

KUANTAN: Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Beserah, Datuk Fauzi Abdul Rahman mengalu-alukan keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa khas sementara bagi menyiasat dakwaan beliau mengenai politik wang dan penyelewengan kerajaan negeri.

"Saya gembira dan berterima kasih kepada presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," kata beliau.

"Tindakan yang saya buat itu ialah untuk membuka mata pemimpin Umno terhadap penyelewengan, sogokan dan rasuah. Ia kini berjaya membuka mata pemimpin Umno," katanya ketika dihubungi Bernama melalui telefon di sini, malam semalam.

Fauzi, yang juga Ketua Umno Bahagian Kuantan, membuat keputusan meletakkan jawatannya sebagai Adun Beserah dan juga membuat laporan polis terhadap bekas Menteri Besar Pahang, Tan Sri Khalil Yaakub.

Selepas mempengerusikan mesyuarat MT Umno di Kuala Lumpur petang semalam, Dr Mahathir berkata sebuah jawatankuasa sementara khas akan segera ditubuhkan bagi menyiasat dakwaan Fauzi.

Dr Mahathir juga berkata penyiasatan itu termasuk mengenai amalan politik wang, penyelewengan dalam kerajaan dan sebuah syarikat seperti yang didakwa oleh Fauzi.

MT Umno juga membuat keputusan untuk menangguhkan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Kuantan sehingga siasatan itu diselesaikan.

Mengenai penangguhan mesyuarat perwakilan, Fauzi berkata beliau akur dengan keputusan itu.

Sementara itu, ketika dihubungi tengah hari semalam, Fauzi berkata, beliau sedia menemui Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, pada bila-bila masa.

"Rumah saya di Bandar Indera Mahkota di sini, sentiasa terbuka untuk menerima kedatangan sesiapa saja termasuk Khalil.

"Kalau beliau nak jumpa, saya sedia pada bila-bila masa tetapi pertemuan itu perlu di Kuantan kerana saya tinggal di sini.

"Rumah saya ini sentiasa terbuka menerima kedatangan tetamu termasuk daripada parti pembangkang dan Khalil juga boleh datang ke sini, tak ada halangan," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kesediaan Khalil untuk menemui Fauzi bagi mengetahui sebab sebenar Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Beserah itu mahu meletak jawatan.

Khalil yang juga Ahli Parlimen Kuantan, dalam laporan akhbar semalam berkata beliau akan bertanya kepada Fauzi berhubung peletakan jawatannya apabila mereka berdua bertemu kelak.

"Kalau saya jumpa dia, saya akan tanya, insya-Allah. Kita dalam satu kawasan, saya akan tanya ... bincang dengan dia. Kalau saya tak jumpa, saya tak tahu," katanya.

Fauzi berkata, setakat ini Khalil tidak menghubunginya bagi memaklumkan pertemuan yang ingin diadakannya itu.

"Saya hanya mengetahui keinginan Khalil menemui saya menerusi laporan akhbar," katanya.

Ditanya sama ada beliau sedia berbincang dengan Khalil berhubung laporan polis yang dibuatnya terhadap Menteri Penerangan itu, Fauzi berkata:

"Dia yang patut membuat penjelasan mengenai perkara itu, bukannya saya. Setakat ini, saya tidak mahu komen apa-apa mengenai laporan polis itu atau masalah penarikan diri daripada menjadi Adun Beserah," katanya.

( END )